



LEMBAGA PELABUHAN JOHOR
JAWATAN KOSONG

Lembaga Pelabuhan Johor dengan ini mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan seperti berikut :

PEMBANTU PENTADBIRAN, GRED PP8

Lantikan

Tetap

Kumpulan Perkhidmatan

Pelaksana

Gaji (SGMM)

Minimum: RM1,852.00

1. SYARAT PERMOHONAN :

Calon hendaklah memenuhi kelayakan berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia; dan
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan; dan
- (c) Bebas daripada sebarang rekod jenayah, penyalahgunaan dadah, tuduhan rasuah (SPRM), keberhutangan serius, muflis dan tindakan tatatertib; dan
- (d) Mahir dalam pertuturan dan penulisan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris; dan
- (e) Perakuan pemeriksaan kesihatan melalui Laporan Perubatan dari Klinik / Hospital Kerajaan atau dari Klinik / Hospital panel LPJ.

2. SYARAT LANTIKAN :

- (a) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia / Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- (b) Memiliki Sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh MQA daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan

- (b) Memiliki kepujian Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (termasuk ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. RINGKASAN TUGAS DAN TANGGUNG JAWAB :

Membantu dan melaksanakan tugas-tugas kewangan sepenuh masa dalam kerja-kerja berikut :

- (a) Urusan Kawalan Belanjawan;
- (b) Urusan Kewangan Am;
- (c) Urusan Terimaan;
- (d) Urusan Bayaran Emolumen;
- (e) Urusan Pembayaran;
- (f) Urusan Akaun;
- (g) Urusan Pelaburan dan Pinjaman; dan
- (h) Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

4. CARA MEMOHON :

- (a) Borang permohonan boleh dimuat turun dari laman web Lembaga Pelabuhan Johor (<http://www.lpj.gov.my>).
- (b) Borang permohonan yang lengkap perlu di sertakan bersama-sama dokumen berikut:
 - (i) Resume dengan *Curriculum Vitae* (CV) yang mempunyai;
 - i. Maklumat peribadi,
 - ii. Kelayakan akademik/ kompetensi (sertakan bersama sijil berkaitan)
 - iii. Pengalaman kerja
 - iv. Jangkaan gaji
 - v. Sekeping gambar terbaharu berukuran pasport; dan
 - (ii) Salinan Sijil Kelahiran & Salinan Kad Pengenalan; dan
 - (iii) Semua salinan sijil-sijil yang disertakan perlu disahkan oleh pegawai kerajaan kumpulan Pengurusan & Profesional yang berkelayakan ; dan

- (iv) Laporan Pemeriksaan Kesihatan terkini. Borang Pemeriksaan Kesihatan boleh dimuat turun dari pautan ini. (<https://docs.google.com/document/d/15vxaA6shIJ8a8EPpX4-KLtVYFuLC16gG/edit?invite=CKrLoaEH>)

Borang yang lengkap diisi dan dokumen terlibat dengan permohonan hendaklah dihantar kepada:

**PENGURUS BESAR
LEMBAGA PELABUHAN JOHOR
JALAN MAWAR MERAH 2,
PUSAT PERDAGANGAN 2,
81700 PASIR GUDANG, JOHOR DARUL TA'ZIM
(U.P : Unit Pengurusan Sumber Manusia)
Tel: 07-2534000**

MAKLUMAT TEMU DUGA :

Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga. Calon yang di senarai pendek untuk menghadiri temu duga dikehendaki mendapatkan surat pengiktirafan MQA kelayakan melalui : <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm>

Calon yang tidak dihubungi dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh temu duga, adalah dianggap tidak berjaya.

Tarikh Tutup Permohonan : 20 Februari 2022 (Ahad)